

'Ali Baba' baik konsepnya yg salah — Dr.M

IPOH, Ahad — Dasar Kerajaan bukan tidak membenarkan perniagaan secara ali-baba malah suka melihat orang Bumiputera berniaga bersama-sama bukan Bumiputera, Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad berkata hari ini.

Katanya, adalah baik kaum Bumiputera bekerjasama dengan bukan Bumiputera untuk menyerap segala kebolehan yang ada kepada mereka dan mempelajari selok-belok perniagaan.

Katanya, perniagaan ali-baba memang baik pada hakikatnya, tetapi yang menjadi masalah ialah penyalahgunaan konsep kerjasama itu.

Berucap merasmikan mesyuarat agung tahunan Dewan Perniagaan dan Perusahaan Melayu Malaysia, cawangan Perak, di Dewan Perbandaran, Timbalan Perdana Menteri itu berkata: "Kita mempunyai banyak kelemahan."

Konsep yang salah, menurutnya, ialah di mana "ali" tidak membuat sebarang kerja.

Beliau yang juga Menteri Perdagangan dan Perindustrian, menyentuh tentang ada di antara kaum

Bumiputera yang sanggup menjual nama mereka untuk bayaran sedikit sahaja.

"Dengan ini maka gallah usaha kita untuk mencapai Dasar Ekonomi Baru (DEB)," katanya.

Datuk Seri Dr. Mahathir mengingatkan kaum Bumiputera bahawa berjaya atau tidaknya DEB bukan sahaja bergantung kepada satu dasar yang baik, tetapi juga bergantung kepada keupayaan mereka menjalankan tugas masing-masing secara berkesan.

Beliau berkata, mereka harus sedar dan faham bahawa perniagaan bukanlah satu perkara yang begitu mudah dijalankan tetapi mempunyai berbagai masalah dan rintangan.

"Ia bukan menjamin seseorang itu akan menjadi kaya, tetapi adalah satu dari cara-cara untuk mencari nafkah bagi kebanyakan daripada kita. Ada kemungkinan cuma peratus yang kecil sahaja akan menjadi kaya raya.

Kaya cepat

"Kalau kita sedar kenyataan ini, kita tidak akan kecewa dan akan teruskan perniagaan kita.

"Malangnya ramai dari kita nampak dalam perniagaan sebagai dapat membuat kita menjadi kaya dengan cepat dan inilah yang menjadi masalah kepada pihak berkenaan," katanya.

Beliau memberitahu, ramai kaum Bumiputera meminta bila dapati ada sesuatu bidang yang boleh memberi keuntungan dan ada di antara mereka "bukan sebenarnya niat untuk berniaga tetapi dengan niat lain."

"Zaman dulu umpamanya, masa syarikat-syarikat meminta stesen minyak jual minyak tanah, siapa pun tak mahu tetapi hari ini bila susah dapat minyak tanah, semua nak berniaga minyak tanah," katanya.

Bahan asal dari Arkib
Negara Malaysia